

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 20  
RUANGAN : NASIONAL

# IJN catat sejarah pasang EV-ICD kepada pesakit

**Implan direka kepada penghidap sakit jantung ada risiko tinggi alami kematian mengejut**


Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Institut Jantung Negara (IJN) melakar sejarah apabila menjadi yang pertama di Asia Tenggara berjaya memasang implan ekstrasvaskular (EV-ICD) kepada pesakit jantung wanita berusia 33 tahun, semalam.

Prosedur dilaksanakan Pengarah Klinikal Elektrofisiologi dan Peranti Implan, Datuk Dr Azlan Hussin itu memberi harapan kepada pesakit jantung yang mempunyai risiko tinggi mengalami kematian mengejut akibat denyutan jantung yang terlalu laju dan berbahaya.

Katanya, peranti EV-ICD dibangunkan Medtronic itu memberikan kejutan elektrik kepada pesakit tepat pada masanya sekiranya denyutan jantung mereka menunjukkan sebarang perubahan.

"Sistem EV-ICD direka untuk memantau denyutan jantung secara berterusan dan memberikan kejutan elektrik yang tepat pada



Dr Azlan menunjukkan Defibrilator Ekstrasvaskular pada sidang media di IJN, semalam.

(Foto Rohanis Shukri/BH)

masanya bagi menjadikannya kembali normal. Ia dapat mengurangkan risiko pesakit alami kematian mengejut.

"Selain memberikan rawatan defibrilasi yang menyelamatkan nyawa dan 'anti-tachycardia pacing' dalam satu sistem implan, EV-ICD sedikit berbeza dengan kaedah tradisional implan atau ICD kerana ia dipasang di luar sistem peredaran darah,

Namun berbeza dengan peranti EV-ICD, wayar yang digunakan itu ditempatkan di luar jantung dan salur darah.

"Ini membantu mengurangkan risiko komplikasi jangka panjang yang kita lihat sebelum ini antaranya, risiko jangkitan kuman serta mengatasi cabaran seperti salur darah yang tersekat, sekali gus menghalang proses implan ICD konvensional," katanya.

## Mudahkan doktor pantau

Mengenai ketahanan bateri, Dr Azlan berkata, ia boleh digunakan sehingga 12 tahun dan selepas tempoh itu, doktor akan melakukan pembedahan kecil bagi menggantikan bateri berkenaan.

"Manakala wayar pula boleh bertahan antara 30 hingga 40 tahun. Jadi pertukaran bateri lebih kerap berbanding wayar," katanya.

Tambah Dr Azlan, dengan peranti baharu itu, ia juga memudahkan pegawai perubatan dan doktor untuk memantau keadaan jantung pesakit dari jauh serta mengesan risiko dan komplikasi sejak awal.

"Peranti ini didatangi dengan sistem pemantauan, ada ketikanya pesakit memerlukan pemerhatian awal, jadi sistem ini akan hantar amaran kepada pihak hospital seterusnya kita panggil pesakit ini untuk rawatan sebelum perkara tidak diingini berlaku," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEGARA

## KKM petakan landskap penjagaan kesihatan negara

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan (KKM) memulakan sebuah projek bagi memetakan landskap penjagaan kesihatan negara untuk tempoh dua dekad akan datang.

KKM dalam satu kenyataan berkata, projek itu bertujuan mengatasi ketidakseimbangan pengagihan sumber penjagaan kesihatan negara, merangkumi

hospital dan klinik sehingga perkhidmatan berkepakaran serta peralatan berteknologi tinggi.

"Dengan menetapkan standard kebangsaan untuk aset kesihatan yang penting, KKM sedang berusaha untuk menambah baik sistem kesihatan yang lebih seimbang, mampan dan cekap.

"Kajian ini akan meramalkan keperluan kesihatan negara se-

hingga tahun 2045 bagi memastikan Malaysia bersedia untuk memenuhi keperluan rakyat yang semakin berkembang.

"Perancangan jangka panjang ini amatlah penting dalam peralihan Malaysia ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi," katanya.

Menurutnya, kolaborasi bersama Kumpulan Bank Dunia,

Kajian *National Health Demand and Supply* Fasa 1 telah pun dilancarkan.

Katanya, ia menumpukan analisis komprehensif situasi penjagaan kesihatan di seluruh negara merangkumi aspek fasiliti kesihatan, peralatan dan sumber manusia.


"KKM menyeru sektor kesihatan awam dan swasta untuk me-

nyertai sebuah kaji selidik dalam talian sebelum 15 Julai ini bagi menggubal dasar strategik dalam mengoptimumkan pengagihan sumber serta mengukuhkan kerjasama awam-swasta.

"Data yang diperoleh adalah tertakluk kepada kerahsiaan dan eksklusif bagi kajian ini serta tidak akan dikongsi dengan pihak luar," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NASIONAL

## IJN pertama di Asia Tenggara pasang implan EV-ICD jantung



Alat yang digunakan untuk implan EV-ICD kepada pesakit jantung.

**SHAH ALAM** - Institut Jantung Negara (IJN), melakar satu lagi sejarah apabila menjadi yang pertama di Asia Tenggara berjaya memasang implan ekstrasvaskular (EV-ICD) kepada pesakitnya pada Jumaat.

Prosedur pertama yang menggunakan peranti dibangunkan oleh Medtronic bagi memberi harapan kepada pesakit yang mempunyai risiko tinggi kematian mengejut akibat denyutan jantung tidak normal itu dilaksanakan Pengarah Klinikal Elektrofisiologi dan Peranti Implan, Datuk Dr Azlan Hussin.

Beliau berkata, pesakit yang telah selesai menjalani prosedur tersebut kini sedang dalam proses pemulihan seperti yang dijadualkan.

"Sistem EV-ICD direka untuk memantau denyutan jantung secara berterusan dan memberikan kejutan elektrik yang tepat pada masanya bagi menjadikannya kembali normal. Ia dapat mengurangkan risiko pesakit alami kematian mengejut.

"Selain memberikan rawatan defibrilasi yang menyelamatkan nyawa dan *anti-tachycardia pacing* dalam satu sistem implan, EV-ICD sedikit berbeza dengan kaedah tradisional implan atau ICD kerana ia dipasang di luar sistem peredaran darah.

"Ciri unik ini memberikan kelebihan dan menawarkan pilihan alternatif kepada pesakit yang memerlukan ICD tetapi menghadapi beberapa halangan. Ini kerana pemasangan ICD tradisional sebelum ini mempunyai wayar yang dimasukkan ke dalam salur darah untuk ia sampai ke jantung," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Bagaimanapun katanya, ia berbeza

dengan peranti EV-ICD yang mana wayar digunakan itu ditempatkan di luar jantung dan salur darah.

"Ini membantu mengurangkan risiko komplikasi jangka panjang yang kita lihat sebelum ini antaranya, risiko jangkitan kuman serta mengatasi cabaran seperti salur darah yang tersekat sekali gus menghalang proses implan ICD konvensional.

"Peranti ini juga disepadukan dengan rangkaian CareLink Medtronic yang membolehkan doktor dan pasukan perawat memantau keadaan jantung pesakit secara jarak jauh dan mengesan kemungkinan masalah dan komplikasi dari awal," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Aizai Azan Abdul Rahim berkata, sebagai salah sebuah institusi perubatan terbesar negara yang memfokuskan kepada pakar jantung itu, IJN sentiasa berada di barisan hadapan inovasi perubatan dengan EV-ICD sebagai buktinya.

"Pencapaian hari ini mengukuhkan lagi komitmen tanpa henti seluruh pasukan kami untuk merentasi apa jua sempadan dan halangan sebaik mungkin," katanya.

Dalam satu kajian yang melibatkan 356 pesakit di 46 hospital di seluruh dunia, EV-ICD terbukti mempunyai kadar kejayaan defibrilasi setinggi 98.7 peratus, menurut *The New England Journal of Medicine*.

Kajian itu turut mendapati peranti tersebut mencapai matlamat keselamatannya dengan tidak mempunyai komplikasi sistem atau prosedur yang besar dalam tempoh enam bulan selepas implan dilaksanakan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : MUKA HADAPAN

41% dalam kalangan B40, 35% kumpulan T20 manakala 30% M40

# 8.5 juta berisiko sakit jantung, strok

Oleh AHMAD FADHLULLAH  
ADNAN  
utusannews@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Kira-kira 35.9 peratus atau 8.5 juta individu dewasa di negara ini berisiko menderita penyakit jantung dan strok sekiranya tidak dirawat selepas dikesan menghidap sindrom metabolik.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 menyaksikan sebanyak 41 peratus daripada penghidap sindrom metabolik itu tergolong dalam kumpulan B40, M40 (30%) dan T20 (35%).

Purata individu menghidap sindrom metabolik dalam kalangan mereka yang berusia 40 tahun iaitu 18 peratus daripada jumlah itu adalah perokok semasa dan 15 peratus peminum alkohol semasa.

Bersambung di muka 2



## Tanam padi

**PESAWAH** di Kampung Telok, Tambun Tulang di Arau mengupah warga asing menanam padi kerana lebih murah selain semakin kurang anak muda mahu menceburi bidang pertanian. - UTUSAN/  
IZLIZAN OTHMAN

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## 8.5 juta berisiko sakit jantung, strok

Dari muka 1

Selain itu, 83 peratus mempunyai ciri obesiti abdomen atau kegemukan perut; 34 peratus kencing manis; 59 peratus tekanan darah tinggi dan 78 peratus paras kolesterol tinggi.

Difahamkan sindrom metabolik merupakan keadaan yang menggabungkan masalah tekanan darah tinggi, obesiti dan kadar kolesterol serta paras gula yang tinggi atau tidak normal.

Pakar Kesihatan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, pemakanan dan gaya hidup tidak aktif menjadi antara faktor utama seseorang itu dikesan menghidap sindrom metabolik.

Menurut beliau, ia terutama jika individu itu sering mengambil makanan yang mempunyai kandungan gula dan kalori tinggi, namun tidak meluangkan masa melakukan senaman.

"Namun, bukan mudah untuk dapat makanan sihat. Salah satunya kena masak sendiri atau dapatkan di restoran yang khusus menjual makanan sihat.

"Pada masa sama, kita risau golongan berpendapatan rendah (lebih memilih) makanan segera, dan makanan ringan sebab tiada wang," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, sebanyak 71 peratus penghidap sindrom metabolik berusia 60 tahun dan ke atas direkodkan manakala 57 peratus mereka yang berusia 50 hingga 59 tahun; 41 peratus berusia 40 hingga 49 tahun; 30 peratus berusia 30 hingga 39 tahun dan 11 peratus berusia 18 hingga 29 tahun.

Dalam pada itu, sebanyak 45 peratus individu yang dikesan menghidap sindrom itu tiada pendidikan formal; 52 peratus (sekolah rendah); 35 peratus (sekolah menengah) dan 27

**“Pemakanan dan gaya hidup tidak aktif menjadi antara faktor utama seseorang itu dikesan menghidap sindrom metabolik.”**

SHARIFA EZAT WAN PUTEH

peratus (kolej serta universiti).

Sharifa Ezat berkata, masyarakat digalakkan untuk mengawal pemakanan dan mengamalkan gaya hidup aktif supaya kesihatan tidak terjejas.

Malah katanya, orang ramai disarankan mengurangkan pengambilan karbohidrat pada sebelah malam bagi mengelak keadaan lemak tidak terbakar jika makan pada lewat malam.

Sementara itu, Pakar Kardiologi, Datuk Dr. Lee Boon Chye berkata, sindrom metabolik merupakan satu beban penyakit tidak berjangkit (NCD) yang paling besar di Malaysia.

Beliau yang juga bekas Timbalan Menteri Kesihatan berkata, ia terutama apabila Malaysia sedang menuju kepada negara menua berikutan peratusan golongan tua itu lebih serius.

"Semua ini ada kaitan dengan perubahan gaya hidup dari segi pemakanan dan aktiviti harian. Jika sebelum ini Malaysia lebih kepada industri pertanian dan kebanyakan penduduk perlu bekerja sebagai petani, maka lebih aktif secara fizikal.

"Sekarang Malaysia menuju kepada negara berlandaskan perkhidmatan, jadi tidak ramai

yang kerja memerlukan aktiviti fizikal, maka jika tidak ambil masa buat senaman, dia akan hidup tanpa aktiviti fizikal dan ini juga menyebabkan kepada sindrom metabolik.

"Selain itu, perubahan makanan. Sebelum ini penduduk lebih miskin, maka tiada pengambilan makanan lebih lumayan berbanding sekarang ini, jadi ini menyumbang kepada obesiti dan masalah berkaitan," katanya.

Pada masa sama, Boon Chye optimis kerajaan melalui Kementerian Kesihatan (KKM) berada pada landasan betul dalam menangani isu berkaitan sindrom metabolik.

Katanya, ini kerana pelbagai usaha dilakukan kementerian bermula dari peringkat awal sejak bayi lahir lagi.

"Kalau kita lihat masalah obesiti berkaitan sejak lahir, jadi kementerian galakkan menyusu badan kerana ia langkah pertama untuk kurangkan obesiti jangka panjang.

"Kedua, apabila mencapai usia kanak-kanak dan masuk sekolah, ada program kesihatan untuk elak obesiti, pendidikan berkaitan makanan seimbang serta menggalakkan aktiviti sukan dan ini berterusan ke universiti," katanya.

Kata beliau, kementerian juga menggalakkan pengambilan makanan sihat menerusi menu suku dan separuh bagi menggalakkan makanan menu seimbang.

"Maksudnya, suku bahagian makanan itu karbohidrat, suku bahagian protein dan setengah sayur-sayuran dan buah-buahan.

"KKM juga menggalakkan aktiviti 1,000 langkah sehari selain bimbingan dari sudut mengurangkan berat badan bagi mereka yang menghidap kolesterol, kencing manis dan hipertensi oleh klinik kesihatan," katanya.